

31646

Nik Abdul Rashid bin Nik Abdul Majid. Satu abad majlis
raja-raja 1897-1997. Kuala Lumpur: Pejabat
Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, 1998



D.Y.M.M. TUNKU NAQUIYUDDIN IBNI
TUANKU JA'AFAR
D.K., D.K.Y.R., S.P.N.S., P.P.T

PEMANGKU YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN

**D.Y.M.M. TUNKU NAQUIYUDDIN IBNI
TUANKU JA'AFAR**
D.K., D.K.Y.R., S.P.N.S., P.P.T

PEMANGKU YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN



.Y.M.M. Tunku Naquiyuddin diputerakan di Seri Menanti, Negeri Sembilan pada 8 Mac 1947. Baginda merupakan putera sulung S.P.B. Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, Yang di-Pertuan Agong Kesepuluh. D.Y.M.M. menerima pendidikan awal di Sekolah Tunku Besar Tampin, Negeri Sembilan, dan meneruskan pelajaran di Sekolah Anderson, Ipoh, Perak. Ketika berusia 8 tahun, Baginda melanjutkan pelajaran di King's School, Canterbury, United Kingdom. Baginda memperoleh ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari University of Wales, Aberysthwyth, United Kingdom.


D.Y.M.M. berkahwin dengan D.Y.M.M. Tunku Nurul Hayati binti Tunku Bahador pada 1977 dan dikurniakan dengan empat orang putera puteri.

D.Y.M.M. memulakan kerjaya sebagai Diplomat di Kementerian Luar Negeri pada 1970 hingga 1975. Baginda dilantik sebagai Setiausaha Dua Kedutaan Malaysia di Paris pada 1972. Baginda bertugas di Paris selama tiga tahun. Sekembalinya ke Malaysia, Baginda meneruskan hubungan dengan negara Perancis. Baginda ialah Presiden Alliance Francaise di Kuala Lumpur selama 18 tahun dan merupakan presiden pelopor Persatuan Ekonomi dan Perdagangan Malaysia - Perancis (MAFRETA). Baginda amat fasih berbahasa Perancis.

Baginda juga merupakan Pengerusi Yayasan Hidupan Liar Malaysia dan anggota jawatankuasa Tabung World Wide Fund for Nature. Baginda juga pernah menjadi anggota Majlis Perniagaan bagi Pembangunan Berdaya Maju yang beribu pejabat di Geneva. Pada Julai 1996 Baginda menubuhkan Yayasan Tunku Naquiyuddin dengan geran pelancaran sebanyak RM1 juta. Yayasan ini menawarkan biasiswa kepada murid sekolah rendah dan sekolah menengah yang layak dan mempunyai harapan untuk berjaya. Dua belas penuntut dari setiap negeri diberikan biasiswa ini setiap tahun.

D.Y.M.M. merupakan seorang ahli sukan yang aktif dan handal bermain golf, skuasy, ski air, luncur angin dan tenis.

D.Y.M.M. Tunku Naquiyuddin dilantik sebagai Pemangku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan pada 26 April 1994 apabila ayahanda Baginda menjadi Yang di-Pertuan Agong Kesepuluh.




D.Y.M.M. TUNKU PUAN MUDA TUNKU NURUL HAYATI BINTI
TUNKU BAHADOR
S.P.T.J.

TUNKU PUAN MUDA NEGERI SEMBILAN

**D.Y.M.M. TUNKU PUAN MUDA TUNKU NURUL HAYATI BINTI
TUNKU BAHADOR
S.P.T.J.**

TUNKU PUAN MUDA NEGERI SEMBILAN

 .Y.M.M. Tunku Dato' Seri Nurul Hayati yang dikenali ramai sebagai Tunku Puan Muda, diputerakan di Kangar, Perlis. Baginda memperoleh pendidikan awal di Sekolah Perempuan Assunta, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Semasa di bangku sekolah, Baginda sangat giat dalam bidang sukan dan olahraga. Baginda mewakili sekolah dalam acara 100 meter dan lari berganti-ganti dan juga merupakan pelari jarak jauh. Selepas menamatkan persekolahan, Baginda menceburi bidang perniagaan dan menubuhkan agensi periklanan sendiri.

D.Y.M.M. bergiat cergas dalam pelbagai pertubuhan kebajikan, termasuk Persatuan Bulan Sabit Merah Negeri Sembilan, dan pertubuhan sukan. Baginda ialah Penaung Persatuan Badminton Wanita Negeri Sembilan dan Persatuan Hoki Wanita Negeri Sembilan.

Pada 1995, Baginda menubuhkan Yayasan Tunku Nurul Hayati dengan geran pelancaran sebanyak RM500,000. Yayasan ini memberi perlindungan kepada anak-anak miskin dan bertindak sebagai sekolah pemulihan bagi mereka yang tidak begitu berjaya.

D.Y.M.M. berkahwin dengan D.Y.M.M. Tunku Naquiyuddin pada 1977 dan dikurniakan empat putera puteri.

Kegemaran Baginda ialah bermain tenis, ski air, squasy dan badminton. Baginda juga gemar membaca dan mendengar muzik dan sangat berminat dalam tanaman hidroponik.